

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01 / 08 / 2007

# Melaka-Kuala Lumpur kukuh persefahaman

Oleh MD.ZAN SAARI

**MELAKA** 31 Julai - Bandar raya Melaka dan Kuala Lumpur hari ini bersetuju dengan lima resolusi, bagi mengukuhkan persefahaman berhubung bandar raya berkembar yang ditandatangani mereka sebelum ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, kelima-lima resolusi tersebut telah dirangka pada seminar antara kedua-dua bandar raya tersebut yang berlangsung di sini sejak Ahad lalu.

"Resolusi pertama yang kita persetujui

ialah untuk mengukuhkan keakraban perhubungan dan saling melengkapi antara satu sama lain menerusi penganjuran program dan aktiviti bersama.

"Kedua-dua bandar raya berkembar ini juga telah bersetuju untuk memperkaskan konsep dan strategi pembangunan bandar lestari untuk faedah warga kota, sebagai resolusi kedua," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutup Seminar Antara Bandar Raya Melaka dan Kuala Lumpur di sini hari ini.

Hadir sama ialah timbalannya, Datuk Wira Abu Seman Yusop; Datuk Bandar Melaka, Datuk Zaini Md. Nor dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim

Borhan.

Melaka dan Kuala Lumpur telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menjalin kerjasama dan menjadi bandar raya berkembar pada 15 April 1989.

Dalam pada itu menurut Zulhasnan, untuk resolusi yang ketiga pula, kedua-dua bandar raya tersebut akan mewujudkan pertukaran dan perkongsian maklumat serta berusaha bagi menambah baik urusan tadbir perbandaran masing-masing.

Seterusnya, jelas beliau, mereka akan bekerjasama dalam bidang berkaitan pembangunan modal insan, kebudayaan, kesenian dan pemuliharaan kota warisan.

Bagi yang terakhir katanya, kedua-dua

bandar raya berkenaan akan mewujudkan rangkaian kerja yang rapat dalam sektor pelancongan, perniagaan, perdagangan dan pelaburan ke arah mempertingkatkan ekonomi bandar.

Terdahulu dalam ucapannya, Zulhasnan berkata, seminar tersebut yang pertama kali diadakan merupakan medan ujian kepada kedua-dua bandar raya untuk menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang seperti cabaran banjir pelancong pada tahun melawat Malaysia.

Tambahnya, kedua-dua pihak juga telah bersetuju supaya seminar seperti yang diilangungkan kali ini, akan diteruskan serta diadakan sekali setahun selepas ini.

UM- 1/8/2007